

Tahniah DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE-11 YBHG. TUAN HAJI AMRAN BIN A. RAHMAN



'CLOCK OUT' DATUK BANDAR KE-10



PELANCARAN SISTEM iTRAFIK MBBB



MISI PASCA BANJIR MBBB KE PULAU PINANG

m/s

KANDUNGAN

- 3 – Ucap Tahniah Datuk Bandar ke-11
- 4 – *Clock Out* Datuk Bandar ke-10
- 4 – Majlis Kenangan Terindah Mantan Datuk Bandar ke-10
- 5 – *Clock In* Datuk Bandar ke-11
- 6 & 7 – Majlis Pelantikan & Angkat Sumpah Datuk Bandar ke-11
- 8 & 9 – Diari Lawatan
- 10 & 11 – Diari Kursus
- 12 – Program *1 State 1 DCP Champion*
- 13 – Bengkel Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal PBT Johor
- 14 – Perasmian Aplikasi 'iTrafik MBBJ'
- 15 – Misi Pasca Banjir MBBJ ke Pulau Pinang
- 16 & 17 – MBBJ Sana Sini
- 18 – Kilas Lensa
- 19 – Fokus Lensa
- 20 & 21 – Malam Apresiasi MBBJ Bersama Media
- 22 – *Festivities@IIBD*
- 23 – Malam Penghayatan Islam

DIREKTORI MBBJ

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
PETI SURAT 232, JALAN DATO' ONN,
80720 JOHOR BAHRU, JOHOR

TALIAN AM: 07-219 8000
FAKSIMILE: 07-223 0619
TALIAN BEBAS TOL: 1-300-88-0146
WHATSAPP ADUAN: 019-7788212

LAMAN WEB: www.mbjb.gov.my
LAMAN SISPA: mbjb.spab.gov.my
E-MEL: info@mbjb.gov.my

SIDANG PENGARANG BULETIN

PENAUNG

Haji Amran bin A. Rahman
Datuk Bandar

PENASIHAT

Haji Sidek bin Paiman
Setiausaha

Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad
Timbalan Setiausaha

KETUA PENGARANG

Fadzlina binti Abdul Malek

SIDANG PENGARANG

Hidayah binti Yusof
Nurul Shafina binti Shaari
Mohamad Rashid bin Selamat
Norasmah binti Mohd Adros

JURU FOTO

Bahri bin Abdullah
Romzi bin Yusof

URUS SETIA

Unit Korporat dan Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru empat (4) kali setahun dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

**Unit Korporat dan Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.**

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.



Tahniah

YBHG. TUAN HAJI AMRAN BIN A. RAHMAN

atas pelantikan sebagai
DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE-11



Sesi Clock Out

YBHG. TUAN HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN

DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE-10

22 OKTOBER 2017 – Genap dua tahun dua bulan dua hari perkhidmatannya sebagai Datuk Bandar Johor Bahru ke-10, Tn. Hj. A. Rahim bin Haji Nin akhirnya mengucapkan selamat tinggal kepada warga Majlis Bandaraya Johor Bahru dalam sesi *clock out* yang berlangsung pada Oktober lalu.

Sesi *clock out* atau rakam keluar ini telah dihadiri oleh anggota MBBJ termasuklah barisan ketua jabatan dan bahagian serta warga kerja MBBJ sendiri.

Ahli Majlis dan semua warga kerja mengucapkan selamat maju jaya dan terima kasih atas khidmat bakti Tn. Hj. A. Rahim Haji Nin yang telah mempamerkan khidmatnya yang cemerlang sepanjang memegang mandat sebagai Datuk Bandar Johor Bahru ke-10. **Jasamu dikenang...**



Majlis Kenangan Terindah

2 tahun 2 bulan 2 hari

bersama MANTAN DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE-10

1 NOVEMBER 2017 – Mantan Datuk Bandar ke-10, Tn. Hj. A. Rahim bin Hj. Nin diraikan dalam Majlis Kenangan Terindah 2 Tahun 2 Bulan 2 Hari bertempat di Hotel Berjaya Waterfront Johor Bahru. Majlis makan malam ini diadakan sebagai simbolik penghargaan seluruh warga kerja kepada beliau yang telah berkhidmat dengan jayanya sebagai Datuk Bandar Johor Bahru dalam tempoh dua tahun dua bulan dan dua hari.

Mantan Datuk Bandar yang kini bergelar Pegawai Kewangan Negeri Johor ini diraikan dalam sebuah majlis meriah namun sederhana oleh tetamu yang hadir termasuklah anggota MBBJ. Majlis berlangsung dengan slot menarik termasuklah persembahan tayangan video aktiviti dan perkhidmatan beliau sepanjang bergelar Datuk Bandar Johor Bahru ke-10 dan juga sesi penyampaian hadiah tanda kenang-kenangan daripada wakil setiap jabatan dan bahagian MBBJ.





**Sesi
Clock In
YBHG.
TUAN HAJI AMRAN
BIN A. RAHMAN
DATUK BANDAR
JOHOR BAHRU KE-11**

23 OKTOBER 2017 – Warga Majlis Bandaraya Johor Bahru melahirkan rasa bangga dan sukacita menerima kehadiran Datuk Bandar Johor Bahru yang baharu, iaitu YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman yang menggantikan Datuk Bandar ke-10 MBBJ, iaitu Tn. Hj. A. Rahim bin Hj. Nin yang kini berkhidmat sebagai Pegawai Kewangan Negeri Johor.

Sesi *clock in* atau rakam masuk Datuk Bandar Johor Bahru ke-11 ini telah dihadiri oleh ketua jabatan dan bahagian serta warga kerja MBBJ.

Ahli Majlis dan seluruh warga kerja MBBJ mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman atas pelantikan sebagai Datuk Bandar Johor Bahru ke-11 MBBJ.





Majlis Pelantikan & Angkat Sumpah DATUK BANDAR JOHOR BAHRU KE-11

25 OKTOBER 2017 – Mantan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor, YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman telah dilantik sebagai Datuk Bandar Johor Bahru ke-11 dalam Majlis Pelantikan dan Angkat Sumpah yang berlangsung pada Oktober lalu. Pelantikan beliau ke jawatan tersebut adalah bagi menggantikan mantan Datuk Bandar ke-10, Tn. Hj. A. Rahim bin Hj. Nin.

Majlis tersebut disaksikan oleh Datuk Hj. Md. Jais bin Hj. Sarday, wakil rasmi Menteri Besar Johor yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Dato' Hj. Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, barisan dif kehormat, Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Johor Bahru dan anggota Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Majlis tersebut bermula dengan upacara pelantikan dan penyerahan surat pelantikan sebagai Datuk Bandar ke-11 MBJB diikuti dengan pengakuan menerima jawatan sertaakuan sumpah menyimpan rahsia dan ikrar menentang



rasuah. Selesai pembacaan sumpah dan ikrar, upacara menandatangani dan penyerahan surat cara pelantikan oleh Datuk Bandar ke-11 dilakukan.

Selesai upacara pelantikan, wakil rasmi Menteri Besar Johor, menyempurnakan upacara menyalurkan jubah dan memakaikan kalung serta songkok kepada YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman sebagai pakaian rasmi Datuk Bandar Johor Bahru.



Profil

DATUK BANDAR KE-11

Nama	TUAN HAJI AMRAN BIN A. RAHMAN, P.I.S,S.M.J.
Jawatan	Datuk Bandar
Gred	JUSA C
Tarikh Lahir	6 Oktober 1964
Pendidikan	Sarjana Muda Sastera (Kepujian), Universiti Malaya
Jawatan Terdahulu	
16.07.1988 - 31.05.1995	Penolong Pentadbir Tanah, Pejabat Tanah Kluang
01.06.1995 - 09.03.1999	Setiausaha, Majlis Daerah Kota Tinggi
10.03.1999 - 15.09.2000	Penolong Pentadbir Tanah I, Pejabat Tanah Kota Tinggi
16.09.2000 - 31.12.2002	Penolong Pentadbir Tanah I, Pejabat Tanah Johor Bahru
01.01.2003 - 31.12.2003	Penolong Setiausaha I, Pejabat SUKJ (BPSM)
01.01.2004 - 31.08.2004	Ketua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Pontian
01.09.2004 - 31.12.2004	Ketua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kluang
01.01.2005 - 31.01.2006	Penolong Pegawai Daerah/ Penolong Pentadbir Tanah, Pejabat Tanah dan Daerah Kecil Tangkak
01.02.2006 - 15.08.2006	Ketua Penolong Setiausaha Pejabat SUKJ (Cawangan Perumahan)
16.08.2006 - 15.03.2009	Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Batu Pahat
16.03.2009 - 07.08.2011	Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Ledang
08.08.2011 - 15.07.2012	Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Muar
16.07.2012 - 31.11.2014	Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Johor Bahru
01.12.2014 - 16.01.2017	Timbalan Setiausaha Kerajaan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
17.01.2017 - 19.10.2017	Pengarah, Jabatan Agama Islam Negeri Johor





Lawatan dari Majlis Daerah Tanjung Malim

Tarikh: 11 Oktober 2017
 Isu Lawatan: Deposit yang dikeluarkan terhadap premis-premis di bawah peruntukan undang-undang kecil (UUK) MJB.
 Jumlah Peserta: 20 orang
 Jabatan Terlibat: Bahagian Undang-Undang dan Jabatan Pelesenan



Lawatan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Tarikh: 5 Oktober 2017
 Isu Lawatan: Pemuliharaan bangunan warisan dan kajian seni bina.
 Jumlah Peserta: 32 orang
 Jabatan Terlibat: Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Bangunan



Diari Lawatan



Lawatan dari Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

Tarikh: 1 November 2017
 Isu Lawatan: Penguatkuasaan kenderaan terbiar dan halangan.
 Jumlah Peserta: 20 orang
 Jabatan Terlibat: Jabatan Penguatkuasaan



Lawatan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat

Tarikh: 12 Oktober 2017
 Isu Lawatan: Pentadbiran dan PBT.
 Jumlah Peserta: 84 orang
 Jabatan Terlibat: Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam

Lawatan dari Majlis Perbandaran Sepang

Tarikh: 1 November 2017
 Isu Lawatan: Mempelajari tentang sistem OSC 3.0.
 Jumlah Peserta: 39 orang
 Jabatan Terlibat: Unit Hentian Setempat (OSC)



Lawatan dari Majlis Perbandaran Subang Jaya



Tarikh: 2 November 2017
 Isu Lawatan: Keselamatan
 Jumlah Peserta: 36 orang
 Jabatan Terlibat: Jabatan Khidmat Pengurusan



Lawatan dari Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 5 November 2017
 Isu Lawatan: Ingin mempelajari tentang JMB dan strata.
 Jumlah Peserta: 46 orang
 Jabatan Terlibat: COB



Lawatan dari Majlis Bandaraya Ipoh

Tarikh : 21 November 2017
 Isu Lawatan : Sistem perundangan Majlis Bandaraya Johor Bahru.
 Jumlah Peserta : 12 orang
 Jabatan Terlibat : Bahagian Undang-Undang





Kursus Pengurusan Stres

1 hingga 2 Oktober 2017

Objektif: Memahami definisi stres, jenis-jenis stres dan membuat analisis tentang gejala-gejala dan punca-punca yang menyebabkan stres.



Kursus Pemantapan Kepimpinan dan Semangat Berpasukan

10 hingga 12 Oktober 2017

Objektif: Meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang keperluan peningkatan diri dan organisasi secara berterusan dan pembelajaran sepanjang hayat.



Kursus Pengurusan dan Penyelenggaraan Tapak Semaian

30 hingga 31 Oktober 2017

Objektif: Memberi kefahaman tentang komponen dan fungsi tapak semaian dan pendedahan kepada peserta mengenai teknik-teknik pembiakan tanaman secara konservatif dan masa kini bagi spesies-spesies tanaman terpilih.

Kursus Kesihatan dan Kecergasan Diri

12 hingga 13 November 2017

Objektif: Menjelaskan cara yang betul untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat, menyenaraikan jenis-jenis pemakanan yang sesuai untuk kesihatan badan dan menerangkan kecederaan yang boleh berlaku disebabkan oleh senaman.



Kursus Kesempurnaan Solat

20 hingga 21 November 2017

Objektif: Memberikan pendedahan kepada anggota mengenai cara yang sempurna untuk menunaikan solat dan memberi tunjuk ajar serta adab bagi umat Islam sebelum mengerjakan solat dan tertib dalam ibadah tersebut.



Diari **K**ursus



Kursus Arahan Perbendaharaan

3 hingga 4 Oktober 2017

Objektif : Memberi pemahaman yang menyeluruh berkenaan pengurusan kewangan dalam arahan perbendaharaan kerajaan dan meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan agensi-agensi kerajaan.



Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sektor Awam

22 hingga 23 Oktober 2017

Objektif : Mencegah kemalangan dan masalah kesihatan pekerja dan orang awam, merancang pemeriksaan berkala terhadap standard kemudahan fizikal dan keselamatan pekerjaan di samping merancang aktiviti pengauditan terhadap tempat, sistem dan prosedur kerja yang selamat.



Kursus Budaya Kerja Cemerlang Bagi Pemandu

23 hingga 25 November 2017

Objektif : Memupuk keperibadian, jati diri dan nilai patriotisme pegawai supaya lebih berketerampilan dan berkemampuan menyesuaikan diri dalam perkhidmatan awam dan mewujudkan pegawai dengan minda kelas pertama selaras dengan matlamat ke arah negara maju.



Kursus Bahasa Inggeris

26 hingga 27 November 2017

Objektif : Memberi kefahaman mengenai asas-asas serta kaedah yang berkesan sama ada dari segi percakapan dan penulisan Bahasa Inggeris dan membangunkan kefahaman peserta mengenai perbendaharaan kata, bahasa, format, gaya dan perbualan yang digunakan dalam komunikasi lisan dan bertulis di tempat kerja.





MBJB

PBT PERTAMA NEGERI JOHOR ANJUR PROGRAM 1 STATE 1 DCP CHAMPION BANDAR RAYA JOHOR BAHRU



20-21 NOVEMBER 2017 - Mesyuarat Khas Ketua Setiausaha Negara bersama YB Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri bertarikh 17 Oktober 2016 telah bersetuju memilih Bandar Raya Johor Bahru di antara bandar yang akan melaksanakan Program 1 State 1 DCP Champion. Justeru, program ini telah berjaya dilaksanakan oleh pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang pertama melaksanakan program tersebut di negeri Johor dan PBT ketiga selepas diadakan di Ipoh, Perak dan Kota Kinabalu, Sabah.

Program dan bengkel yang berlangsung selama dua hari di Holiday Villa, Johor Bahru ini telah disempurnakan perasmianya oleh Tn. Hj. Mohd. Khir Johari bin Hj. Salleh, Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan, Johor. Turut hadir dalam program tersebut ialah Encik Mohammad Ridzwan bin Abidin, Timbalan Ketua Pengarah, Pembangunan dan Pengurusan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Dato' Abdul Latif Abu Seman, Timbalan Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Tn. Hj.

Sidek bin Paiman, Setiausaha MBJB, Ir. Hjh. Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBJB, Tn. Hj. Abdul Aziz bin Tohak, Ketua Whip MBJB, Ahli-Ahli Majlis MBJB, wakil agensi kerajaan, Ketua Jabatan dan Bahagian MBJB, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju dan perunding.

Matlamat utama program ini adalah untuk menambahbaik kecekapan dan keberkesanan urusan memperoleh permit-permit pembinaan. Manakala, objektif penganjurannya adalah untuk melupuskan permit-permit yang tidak diperlukan, menyatukan permit-permit yang bersesuaian, membolehkan permohonan dan kelulusan secara serentak, penyediaan prosedur dan proses kelulusan yang telus dan menerimapakai amalan peraturan terbaik untuk diselaraskan dengan prosedur sedia ada.

Lebih daripada 200 peserta telah menghadiri program ini yang terdiri daripada wakil daripada agensi Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), wakil Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), wakil agensi kerajaan, pihak pemaju dan perunding.



Apa itu DCP?

DCP adalah singkatan untuk *Dealing with Construction Permits*, istilah yang digunakan oleh *World Bank* untuk mengukur prestasi peraturan dalam mematuhi formaliti untuk urusan mendapatkan permit bagi pembinaan bangunan. Pengukuran DCP oleh *World Bank* ini merangkumi 4 kriteria iaitu prosedur, masa, kos dan indeks kualiti bangunan (*building quality index*).

Info Ringkas

BENGGKEL KAJIAN KEBERKESANAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL PBT JOHOR



12-14 NOVEMBER 2017 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Bengkel Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal PBT Johor selama tiga hari bertempat di KSL Resort Hotel Johor Bahru. Sesi pembukaan bengkel ini telah dirasmikan oleh Setiausaha Bahagian (Kerajaan Tempatan), Tn. Hj. Mohd Khir Johari bin Hj. Salleh yang menyasarkan penyertaan daripada wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat di negeri Johor. Sebagaimana keputusan mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh EXCO Perumahan & Kerajaan Tempatan Negeri Johor iaitu Mesyuarat EXCO Bersama DB/YDP/SU Bil. 3/2017 yang bertarikh 22 Mei 2017, beliau telah meminta suatu kajian semula berkenaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini dibuat kajian semula. Hal ini berikutan tahap kebersihan di beberapa buah PBT di negeri Johor masih belum begitu memuaskan berdasarkan daripada aduan awam dan juga pengamatan pemantauan daripada pelbagai pihak.

Bengkel ini dianjurkan untuk mengkaji semula keberkesanan dan kerelevanan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal untuk diambil alih semula oleh PBT terlibat di samping membuat analisa berkenaan isu-isu berbangkit yang melibatkan syarikat konsesi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Mulai November 2011, tugas pelupusan sisa pepejal (angkat, hantar, asing dan lupus sampah) dan pembersihan awam (potong rumput, bersih jalan, dan bersih longkang) telah diambil alih oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) yang telah dijenamakan semula sebagai SWCorp mulai 2015 melalui Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dan Perjanjian *Tripartite* (Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT).

Info Ringkas





PERASMIAN APLIKASI INFO TRAFIK MBBJ


6 NOVEMBER 2017 – MBBJ dengan kerjasama Syarikat Vads Lyfe Sdn. Bhd. telah membangunkan laman sesawang yang dikenali sebagai 'iTrafik MBBJ' yang membolehkan pengguna jalan raya melihat paparan CCTV secara langsung di samping memaparkan gambar keadaan semasa aliran trafik di lokasi CCTV milik MBBJ. Laman sesawang iTrafik MBBJ yang sentiasa dikemaskini dalam tempoh setiap 5 minit ini telah dilancarkan oleh Datuk Bandar Johor Bahru pada November lalu.

Fungsi utama CCTV MBBJ adalah bagi tindakan pemantauan aliran lalu lintas dan juga tindakan penguatkuasaan. MBBJ juga telah menjalinkan kerjasama bersama Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dalam tindakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap tumpahan konkrit di atas jalan raya dari lori bancuhan konkrit. Sebanyak 4 unit CCTV telah dipasang bagi tujuan ini di lokasi yang sering berlaku tumpahan konkrit. SPAD akan mengambil tindakan terhadap pemandu lori bancuhan konkrit yang telah mengotorkan jalan melalui bukti yang diperolehi daripada rakaman CCTV.




MBBJ telah melaksanakan pemasangan CCTV di 36 lokasi persimpangan jalan raya serta lokasi yang menjadi tumpuan orang awam. CCTV MBBJ telah mula beroperasi sejak 1 Julai 2017.

Info Ringkas



Layari laman sesawang iTrafik MJB di
www.mjbtrafik.com



atau muat turun aplikasi
MJB.LIVE

MISI PASCA BANJIR MJB KE PULAU PINANG

9 NOVEMBER 2017 – Sesi pelepasan (*flag off*) misi bantuan pasca banjir MJB ke Pulau Pinang telah disempurnakan oleh YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru bertempat di Dataran Bandaraya Johor Bahru. Seramai 31 anggota dan jentera pembersihan diketuai oleh Tn. Hj. Sidek bin Paiman, Setiausaha MJB dan En. Mohd Rafi bin Jasman, Ketua Penolong Pengarah Kejuruteraan telah bertolak selama lima hari ke Pulau Pinang bagi membantu kerja-kerja pembersihan kawasan yang terlibat dengan bencana banjir di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan tersebut.





Lawatan Datuk Bandar ke
Persisiran Sg. Sebulong
Tarikh: 9 Oktober 2017



Kejohanan Golf Amal YBJB
di Palm Resort Golf &
Country Club
Tarikh: 14 Oktober 2017



Pelancaran Eko Inisiatif PBT
di Kota Iskandar
Tarikh: 12 Oktober 2017



Pertandingan Bola Sepak Piala PBT Johor:
Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)
lawan Majlis Perbandaran Pasir Gudang
(MPPG) di Stadium Pasir Gudang
Tarikh: 26 November 2017



Program Derma Darah dengan kerjasama pihak
Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru
Tarikh: 27 November 2017



Pertemuan Bulanan di
Dewan Jubli Intan
Tarikh: 5 Disember 2017



Mesyuarat Agung PPBJB di
Auditorium JOTIC
Tarikh: 12 Disember 2017





Pelancaran Transformasi Peniaga
Pasar Malam Kg. Melayu
Tarikh: 9 Oktober 2017



Karnival Johor Berkemajuan
di Kota Iskandar
Tarikh: 9 Oktober 2017



Sukan Muafakat dan Future
Home Zon Taman Molek di
Laman Tasik Pandan
Tarikh: 28 Oktober 2017



Majlis Meraikan Kemenangan Johor Darul Ta'zim (JDT)
Menjuarai Piala Malaysia di Dataran Bandaraya
Tarikh: 5 November 2017



Lawatan daripada Delegasi
Shanghai China
Tarikh: 29 November 2017



Program Kayuhan Santai
'Laksamana Purple Ride' di
Dataran Bandaraya
Tarikh: 23 Disember 2017



Mesyuarat Agung Koperasi
Majlis Bandaraya Johor
Bahru (MBJB) di
Auditorium JOTIC
Tarikh: 27 Disember 2017



Acara Pelelongan Barangan
Sitaan MBBJ Bil. 1/2017

Tarikh:
8 Oktober 2017



Tarikh:
27 Oktober 2017

Jom Heboh di Angsana
Johor Bahru Mall

Hari Landskap Peringkat
Negeri Johor di Sireh Park,
Iskandar Puteri

Tarikh:
19 November 2017



Tarikh:
16 November 2017

Perasmian IKEA Tebrau,
Johor Bahru



Kilas Lensa

Pelancaran Arca 'IIBD Eco
Cornerstone' di Laman
Monumen Abu Bakar



Tarikh:
21 November 2017



Tarikh:
9 Disember 2017

JB Wake Up! Car Free Day



Tarikh:
22 Disember 2017

Program Transformasi Sosial 'Karnival
Kejiranan Indah' Zon Tampoi



Tarikh:
27 Disember 2017

Latihan Kebakaran di
Bangunan Ibu Pejabat MBBJ



MBJB bersiaran secara langsung dalam slot khas 'Lensa MBBJ' pada setiap Khamis minggu pertama dan ketiga pada jam 11.30 pagi di konti radio Johor FM. Slot khas berdurasi 30 minit itu membincangkan isu semasa, perkhidmatan yang ditawarkan MBBJ serta promosi aktiviti MBBJ untuk diuarakan kepada para pendengar khususnya warga bandar raya Johor Bahru. Ia selaras dengan hasrat MBBJ dalam usaha menyampaikan dan menyebarkan maklumat yang lengkap, tepat dan terkini kepada orang ramai terutamanya warga Bandar Raya Johor Bahru.

MBJB KE UDARA DALAM SLOT KHAS 'LENSA MBBJ' DI JOHOR FM

Kronologi Siaran:

5 Oktober 2017 – Slot bersama Pengarah Jabatan Pelesenan, En. Mohamad Khairulnuar bin Esa yang menerangkan peranan dan fungsi Jabatan Pelesenan serta mempromosi Bazar Deepavali di pusat bandar Johor Bahru.

19 Oktober 2017 – Siaran bersama Timbalan Pengarah Kewangan MBBJ, Pn. Hajah Noor Zulilah binti Jaafar dan wakil pegawai dari Syarikat Presgo Gateways, Pn. Hafizah mengenai promosi penggunaan aplikasi 'Mobile Hot Spot Parking-Presgo'.

2 November 2017 – Slot bersama Pengarah Jabatan Kesihatan, Pn. Hajah Aslinda binti Salikin dan Pen. Pengarah Bhgn. Kesihatan & Alam Sekitar, En. Mohd. Faizal bin Hassan yang menerangkan mengenai Zon Sifar Sampah & Zon Bersih, di samping penguatkuasaan larangan penggunaan polistirena.

16 November 2017 – Slot bersama Pustakawan, Bhgn. Perpustakaan Sultan Ismail (PSI) MBBJ, Tengku Tarmizi bin T. Aziz dan Pen. Pengarah Pembangunan Masyarakat Sosial & Kebudayaan, En.

Mohd. Syazwan bin Abdul Rauf yang menerangkan perkhidmatan Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan amnya kepada warga bandar raya Johor Bahru serta perkhidmatan yang ditawarkan PSI kepada pengunjung.

7 Disember 2017 – Slot bersama Timbalan Pengarah Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Pn. Syafini binti Mohi yang menerangkan mengenai fungsi Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta serta kadar cukai harta ke atas sesebuah pegangan dan cara melaksanakan pembayaran cukai harta.

21 Disember 2017 – Slot bersama Pen. Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan, Pn. Norbaizura binti Md. Zin dan Pen. Pengarah Korporat & Perhubungan Awam, Cik Hidayah binti Yusof yang menerangkan fungsi Bahagian Korporat serta cara saluran aduan yang betul di samping menguarakan promosi mengenai penganjuran pelbagai program serta aktiviti menarik untuk orang ramai sempena sambutan Ulang Tahun Perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke-24.





MALAM APRESIASI MJB BERSAMA MEDIA

26 DISEMBER 2017 - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan beberapa program bersama rakan media seperti acara sukan, jamuan berbuka puasa, jamuan makan malam dan juga sambutan perayaan pelbagai kaum termasuk sambutan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Hari Deepavali dan sebagainya bertujuan mengeratkan jalinan dan hubungan mesra pihak pengurusan MBJB bersama rakan media.

Oleh itu, sempena sambutan Ulang Tahun Perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke- 24, MBJB telah mengambil inisiatif meraikan rakan media dalam majlis Malam Apresiasi MBJB Bersama Media & Pelancaran Logo *Team MBJB* serta Kalendar Program Sempena Ulang Tahun Perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke- 24 bertempat di Hotel Berjaya Waterfront, Johor Bahru.

Selain itu, penganjuran program bersifat santai ini adalah sebagai simbolik penghargaan pihak MBJB kepada rakan media yang telah banyak membantu MBJB khususnya dalam aspek promosi, penyampaian maklumat dan informasi terkini kepada warga Bandar Raya Johor Bahru, di samping menguarakan pelbagai promosi aktiviti menarik yang diadakan sempena sambutan Ulang Tahun Perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke-24. Rakan media juga berpeluang menyuarakan hasrat dan harapan mereka terhadap MBJB bagi tujuan penambahbaikan dari aspek perkhidmatan MBJB kepada warga Bandar Raya Johor Bahru khususnya.





PELANCARAN LOGO

TEAM MBBJ

& KALENDAR PROGRAM

SEMPENA ULANG TAHUN PERISYTIHARAN BANDAR RAYA JOHOR BAHRU KE-24

“Saya beriltizam untuk meneruskan kesinambungan serta memperkasa *TEAM MBBJ* untuk mendukung dan menjayakan aspirasi YAB Menteri Besar Johor melalui konsep ‘Muafakat Johor’ dan *Team Johor*”



Pelancaran logo *Team MBBJ* dan Kalendar Program Sempena Ulang Tahun Perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke-24 telah disempurnakan oleh YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru.

Turut hadir, tetamu jemputan yang terdiri daripada rakan media MBBJ dari pelbagai rangkaian syarikat pengeluaran akhbar termasuklah Utusan Malaysia, Sinar Harian, Berita Harian, *New Straits Times*, Harian Metro, *China Press* dan banyak lagi di samping kehadiran pegawai Majlis Bandaraya Johor Bahru.

MBBJ pada 1 Januari 2018 ini akan menyambut Ulang Tahun Perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke-24 dengan menampilkan pelbagai program menarik juga melibatkan warga Bandar Raya Johor Bahru seperti *Festivities@IIBD*, Malam Penghayatan Islam, Hari Keluarga, Kejohanan Bola Sepak Piala Datuk Bandar, Forum Integriti Bersama Peniaga dan banyak lagi.

BIL.	TARIKH / HARI	NAMA PROGRAM	LOKASI
DESEMBER 2017			
1	26 DISEMBER 2017 (SELASA)	MALAM APRESIASI MBBJ BERSAMA MEDIA & PELANCARAN LOGO TEAM MBBJ SERTA PELANCARAN KALENDAR PROGRAM SEMPENA ULANG TAHUN PERISYTIHARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU KALI KE-24	HOTEL BERJAYA WATERFRONT, JOHOR BAHRU
2	29 DISEMBER 2017 (JUMAAAT)	FESTIVITIES @ IIBD FOOD	DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU
3	30 DISEMBER 2017 (SABTU)	FESTIVITIES @ IIBD FAMILY	DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU
4	31 DISEMBER 2017 (AHAD)	MALAM PENGHAYATAN ISLAM	MASJID SULIAN ISKANDAR, BANDAR DATU' ONN
5		FESTIVITIES @ IIBD MALAM AMBANG TAHUN BAHARU 2018	DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU
JANUARI 2018			
6	09 JANUARI 2018 (SELASA)	SEMINAR KERAJAAN DIGITAL	HOTEL DOUBLE TREE, JOHOR BAHRU
7	15 JANUARI 2018 (ISNIN)	FORUM INTEGRITI BERSAMA PENIAGA	HOTEL BERJAYA WATERFRONT, JOHOR BAHRU
8	29 JANUARI 2018 (ISNIN)	PERKONGSIAN BUAH PBT BERSAMA TOKOH	HOTEL BERJAYA WATERFRONT, JOHOR BAHRU
FEBRUARI 2018			
9	01 FEBRUARI 2018 (KHAMIS)	PELANCARAN IKONIK MBBJ: PELANCARAN ZON BERSIH	HADAPAN OCBC BANK JALAN IBAHMIM @ HADAPAN PERSADA
10		PERAGMIAN BANGUNAN KONSERVASI BERSAMA THINKCITY DI SUNGAI SEGGET	JALAN WONG AH POOK
11	11 FEBRUARI 2018 (AHAD)	MAKAN MALAM AMAL	HOTEL BERJAYA WATERFRONT, JOHOR BAHRU
12	24-25 FEBRUARI 2018 (SABTU-AHAD)	KEJOHANAN BOLA SEPAK PIALA DATUK BANDAR	DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU
13	24 FEBRUARI 2018 (SABTU)	HARI KELUARGA MBBJ	DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU
MAR 2018			
14	3-4 MAR 2018 (SABTU-AHAD)	PERTANDINGAN KAWAD KAKI PIALA DATUK BANDAR ANTARA SEKOLAH KAWASAN PENTADBIRAN MBBJ	DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU
		PELANCARAN SKUAD BENCANA MBBJ & MAJLIS MENADATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA APM-MBBJ	DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU
15	4 MAR 2018 (AHAD)	HARI TERBUKA MBBJ	DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU





FESTIVITIES@IIBD

SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN
PERISYTIHARAN BANDAR RAYA JOHOR BAHRU KE -24

29-31 DISEMBER 2017 – *Festivities@IIBD* merupakan festival keramaian yang diadakan untuk warga Bandar Raya Johor Bahru berhibur dan bersuka ria bersama seisi keluarga pada waktu hujung minggu di samping mempromosi produk pelancongan yang terdapat di Johor Bahru kepada pelancong antarabangsa yang datang ke Johor Bahru.

Program yang berlangsung selama tiga hari ini diadakan bertempat di Dataran Bandaraya Johor Bahru dan menjadi antara platform acara tahunan MJB pada setiap tahun baharu di samping mempromosi nama *Ibrahim International Business District* (IIBD) atau lebih dikenali sebagai *Coronation Square*. *Festivities@IIBD* menampilkan festival hiburan berkonsepkan muzik, makanan, beli-belah dan permainan atau sukan.

Kira-kira 10,000 pengunjung disasarkan hadir termasuklah warga Bandar Raya Johor Bahru dari pelbagai lapisan masyarakat tidak kira bangsa dan peringkat usia. Selain itu, pelancong dari dalam dan luar negara yang datang ke Johor Bahru termasuklah Singapura, Indonesia, Thailand dan lain-lain turut disasarkan sebagai antara pelancong yang memeriahkan lagi program ini. Kemuncak festival ini iaitu pada hari terakhir, 31 Disember 2017 dimeriahkan dengan aktiviti 'Kira Detik' (*countdown*) menjelang 12 tengah malam, sempena Malam Ambang Tahun Baharu, 1 Januari 2018 bersama pengunjung yang hadir.

مەلەم مەنەزەتە مەلەم

1439H / 2018M



31 DISEMBER 2017 – Pada kali ini, majlis kesyukuran sempena meraikan tahun baharu ini dinamakan sebagai ‘Malam Penghayatan Islam’ dan telah diadakan di Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato’ Onn, Johor Bahru sempena meraikan ulang tahun perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru kali ke-24. Penganjuran program ini bertujuan melahirkan tanda kesyukuran dan memohon ke hadirat Allah SWT agar kehadiran tahun baharu 2018 akan membawa Bandar Raya Johor Bahru ke arah sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari selaras dengan visi Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Program ini bermula seawal jam 6.30 petang dengan bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat, diikuti dengan sesi penyampaian bantuan khas kepada anak-anak yatim dari Baitul Maghfirah oleh YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru. Selepas solat fardu Maghrib, berlangsungnya sesi ceramah perdana oleh Al-Fadhil YH Dato’ Ustaz Badli Shah bin Alauddin, panelis TV dan pendakwah bebas. Program tersebut berjaya menarik ramai warga bandar raya yang turut sama hadir mengimarahkan masjid indah tersebut di samping memeriahkan sambutan ulang tahun perisytiharan Bandar Raya Johor Bahru ke-24 dan bersama-sama mengucapkan kesyukuran kepada Allah SWT dengan kehadiran tahun baharu yang lebih mencabar.



MALAM AMBANG TAHUN BAHARU 2018



JADUAL WAKTU OPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

WAKTU OPERASI PEJABAT PEJABAT UTAMA MBBJ & JOTIC

HARI	JAM
AHAD –RABU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
WAKTU REHAT	1.00 TGH - 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07 -219 8000

WAKTU OPERASI KAUNTER KAUNTER SETEMPAT MBBJ

HARI	JAM
AHAD –RABU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)

HARI	JAM
AHAD – RABU	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 1.00 TGH
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07 -386 1535

PEJABAT CAWANGAN JOHOR JAYA

(Bagi Urusan Semakan dan Bayaran Cukai Harta & Kompaun MBBJ, Pembaharuan Lesen Iklan, Perniagaan & Penjaja, Permohonan Pindah Milik (Borang I), Bayaran Sewa Gerai, Semakan & Permohonan Sewaan Dewan, Jualan Kupon Letak Kereta/ 'Parking Coupon' dan Aduan Awam)

HARI	JAM
AHAD –RABU	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 3.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07-357 3314

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)

HARI	JAM
SETIAP HARI	8.30 PAGI – 9.30 MALAM
WAKTU REHAT	7.00 MALAM - 8.00 MALAM (SABTU - KHAMIS) & 12.15 TGH - 2.45 PETANG (JUMAAT)
KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07-351 1503

KAUNTER BERGERAK (e-NOBAS)

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)

SILA LAYARI LAMAN WEB MBBJ (www.mbjb.gov.my)
UNTUK JADUAL PERKHIDMATAN TERKINI

NO. TEL. WAKTU PEJABAT	07 –219 8077
NO. TEL. WAKTU URUSAN KAUNTER BERGERAK	019 -720 3290

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN MBBJ

Memberikan
Perkhidmatan Pelanggan
Yang Efisien dan Mesra
Kepada Pelanggan

WAKTU OPERASI KAUNTER PANDU BAYAR (Bayaran Cukai Harta & Kompaun MBBJ Sahaja)

JAN, FEB, JULAI & OGOS

AHAD -RABU	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 1.00 TGH
TUTUP : JUMAAT, SABTU & CUTI UMUM	

MAC, APR, MEI, JUN, SEPT, OKT, NOV & DIS

DIBUKA PADA AHAD SAHAJA	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
TUTUP : ISNIN HINGGA SABTU & CUTI UMUM	

Tel : 07-219 8008
(Bahagian Hasil,
Jabatan Kewangan MBBJ)

